



**Semua Pelajar
Program ASASipinter Antarabangsa
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER
2 SESI AKADEMIK 2025/2026 PROGRAM ASASipinter ANTARABANGSA**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Semester 2 Sesi Akademik 2025/2026 akan diadakan pada **13 hingga 17 Julai 2026**.

2. Semua pelajar dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 2 Sesi Akademik 2025/2026 melalui SMPE (<https://smplucee.ukm.my/smpe>) mulai **4 hingga 15 Mei 2026**. Tindakan yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Membaca dan melengkapkan borang **AKU JANJI PELAJAR** di SMPE;
- ii) Menyemak dan membuat pengesahan ke atas semua kursus yang didaftarkan dan draf jadual peperiksaan akhir bagi semester semasa. Sekiranya semua maklumat adalah tepat dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, pelajar perlu menekan butang "**SAH**"; dan/atau
- iii) Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan atau **tiga (3) peperiksaan dijadualkan berturut-turut dalam satu hari**, pelajar perlu menyenaraikan kursus terlibat dan memaklumkan kepada kepada Ketua Penolong Pendaftar di UKMShape **selewat-lewatnya pada 16 Mei 2026**.

3. Sekiranya pelajar gagal membuat pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan, segala butiran kursus yang direkodkan akan dianggap betul dan lengkap.

4. Pelajar juga akan dikenakan denda lewat pengesahan masuk peperiksaan sebanyak **RM50.00**. Bayaran denda tersebut hendaklah dilakukan melalui SMPE mulai tarikh akses dan cetakan **Kad Masuk Jadual Peperiksaan (KMJP)** dibuka.

Kerjasama dan perhatian semua pelajar terhadap perkara ini amat dihargai.





PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

OOI CHUAH JAU

Penolong Pendaftar

Unit Peperiksaan & Pengijazahan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272111 E-mel: uppshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape